

## **Strategi Muslimah Desa dalam Memperkasakan Ekonomi Keluarga Semasa COVID-19: Kajian di Pasar Borong Pasir Puteh, Kelantan**

### *The Strategy of Rural Muslimah in Empowering Family Economy During COVID-19: A Study at Pasir Puteh Wholesale Market, Kelantan*

**Abdul Azib Hussain<sup>1</sup>, Khairulnazrin Nasir<sup>2</sup>,  
Rahim Kamarul Zaman<sup>3</sup> & Muhammad Adam Ab. Azid<sup>4</sup>**

- <sup>1</sup> (Corresponding Author) Department of Syariah, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: azibhussain83@gmail.com
- <sup>2</sup> Research Management Centre, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: khairulnazrin19@gmail.com
- <sup>3</sup> Department of Usuluddin, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, e-mail: abdulrahimkz51@gmail.com
- <sup>4</sup> Department of Usuluddin, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: adamsaifulislam@gmail.com

#### **ABSTRAK**

Pandemik COVID-19 yang lalu telah memberikan implikasi negatif ke atas kelancaran pembangunan ekonomi negara. Ini dapat dilihat dengan jelas seperti berlaku situasi penutupan syarikat-syarikat, kelembapan aktiviti-aktiviti perniagaan dan penguncupan peluang pekerjaan di pelbagai sektor. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), kadar pengangguran di negara kita telah melonjak kepada 4.9 peratus iaitu bersamaan 782.5 ribu orang pada Januari 2021. Antara kelompok yang turut terkesan dalam hal ini adalah golongan Muslimah seperti mereka yang berada di kawasan desa. Di samping berperanan sebagai seorang isteri, ibu atau anak, mereka juga harus bekerja bagi membantu suami menjana ekonomi keluarga. Antara pekerjaan yang sering didominasi mereka adalah aktiviti perniagaan. Oleh itu, kajian ini membincangkan strategi Muslimah desa dalam memperkasakan ekonomi keluarga semasa COVID-19. Lokasi kajian yang terlibat adalah Pasar Borong Pasir Puteh, Kelantan. Bagi memperoleh data dan maklumat, kajian ini menggunakan metode dokumentasi dan temu bual secara bersemuka dengan 10 orang peniaga Muslimah dan seorang pegawai Majlis Daerah Pasir Puteh yang dipilih sebagai informan secara rawak. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan metode analisis kandungan secara induktif dan deduktif. Menariknya, hasil kajian mendapati bahawa para peniaga Muslimah desa sememangnya mampu merencanakan ekonomi keluarga semasa COVID-19 bahkan secara tidak langsung turut memperkasakan diri mereka melalui ilmu dan pengalaman. Namun beberapa

penambahbaikan perlu dilakukan seperti mereka perlu menghadiri kursus berkaitan kepakaran perniagaan seperti berniaga melalui platform e-dagang serta mendapatkan skim bantuan perniagaan daripada kerajaan atau swasta.

**Kata kunci:** Muslimah desa; Memperkasakan ekonomi; COVID-19, Wanita

---

### **ABSTRACT**

*The pandemic of COVID-19 has had negative implications on the smooth economic development of the country. This can be seen in the company closures situation, the slowdown in business activities and the downsize in employment opportunities in various sectors. According to a report released by the Department of Statistics Malaysia (2021), the unemployment rate in our country has jumped to 4.9 percent, equivalent to 782.5 thousand people in January 2021. Among the groups who are affected in this regard are women such as those in rural areas. In addition to their role as wives, mothers, or children; they also must work to help their husbands to generate the family economy. The occupations that are often dominated by them are business activities. Hence, this paper discusses the strategy of rural women in empowering the family economy during COVID-19. The concerned study area is Pasir Puteh Wholesale Market, Kelantan. To acquire data and information, this study uses documentation methods and face-to-face interviews with ten women traders and an officer of Pasir Puteh District Council that were selected as informants by simple random sampling. The data obtained were analyzed by using inductive and deductive content analysis methods. The result of this study found that rural women traders can help to generate the family economy during COVID-19 and even indirectly empower themselves through knowledge and experience. However, some improvements need to be made such as they need to attend courses related to business expertise such as doing business through e-commerce platforms as well as getting business assistance schemes from the government or the private sector.*

**Keywords:** Rural Muslimah; Empowering the economy; COVID-19; Women


---

## **1. Pengenalan**

Sehingga 29 Julai 2022, secara keseluruhannya jumlah penduduk lelaki lebih ramai berbanding wanita di Malaysia iaitu masing-masing 17.0 juta dan 15.7 juta dengan nisbah jantina 109 lelaki: 100 wanita (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Namun menurut Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) berdasarkan Statistik Pemerksaan Wanita dalam Domain Terpilih (2021) mendapati pencapaian wanita terhadap sub-indeks peluang dan penyertaan mereka dalam sektor ekonomi adalah tinggi iaitu mencapai skor 0.737. Skor tertinggi pada tahun 2020 dalam peluang dan penyertaan ekonomi bagi wanita mengikut negeri didahului oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu 0.889,

diikuti oleh Perlis (skor 0.810) dan Kelantan (skor 0.773). Perbandingan ini dijelaskan seperti yang dipaparkan dalam carta 1 di bawah.

Carta 1: Skor MGGI 2020 bagi Indikator Peluang dan Penyertaan Ekonomi Mengikut Negeri 2020



(Sumber: Statistik Pemeriksaan Wanita dalam Domain Terpilih, Malaysia, 2021)

Statistik pada tahun 2017 pula mendapati golongan wanita mempunyai peluang dan penyertaan ekonomi yang tertinggi dalam tiga sektor utama iaitu: (a) Sektor perdagangan borong dan runcit berkaitan pembaikan kenderaan bermotor dengan 18.3 peratus; (b) Sektor pembuatan dengan 17.1 peratus dan; (c) Sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dengan 11.6 peratus. Ia diterangkan seperti tertera dalam paparan jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Peluang dan Penyertaan Ekonomi bagi Wanita, 2017

Bil.	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita (54.3%)	Peratus (%)
	Industri	
1.	Perdagangan borong dan runcit: Pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	18.3%
2.	Pembuatan	17.1%
3.	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	11.6%

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Statistik Pemeriksaan Wanita dalam Domain Terpilih, Malaysia, 2017)

Bahkan bilangan pertubuhan milikan wanita juga adalah tinggi. Statistik pada tahun 2020 mendapati pertubuhan milikan wanita dalam sektor perdagangan borong dan runcit mengalami pertumbuhan 4.7 peratus iaitu

sebanyak 91,043 pertubuhan dengan rekod jumlah pekerja seramai 267,974 orang (Statistik Perdagangan Borong dan Runcit, 2020).

Berdasarkan fakta-fakta di atas, boleh ditegaskan bahawa sumbangan wanita dalam pembangunan negara sama ada bergelar isteri, ibu atau anak, di bandar atau di desa adalah sangat besar. Di samping memainkan peranan sebagai pembina generasi, mereka juga menyumbang kepada sumber ekonomi. Maka menyedari peranan penting wanita dalam keluarga, masyarakat, ekonomi dan politik negara, kerajaan telah menggubal Dasar Wanita Negara (DWN) sejak 1989. Ia bertujuan untuk membantu wanita melibatkan diri dalam arus pembangunan negara dengan lebih berkesan (Zaman et al., 2021; Shamsiah Abd. Kadir, 2018).

## **2. Penyataan Masalah**

Pandemik COVID-19 telah memberikan implikasi negatif ke atas kelancaran pembangunan ekonomi negara. Keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia mencapai tahap terendah iaitu hanya bertumbuh sekadar 0.7 peratus sahaja berbanding 3.6 peratus pada suku tahun keempat 2019 (Prestasi Ekonomi Malaysia Suku Tahun Pertama, 2020).

Pun begitu perbelanjaan penggunaan isi rumah meningkat kepada 6.7 peratus semasa musim pandemik. Ia membabitkan perbelanjaan utama isi rumah terhadap penggunaan bahan asas seperti makanan dan minuman, telekomunikasi, air dan elektrik (Prestasi Ekonomi Malaysia Suku Tahun Pertama, 2020). Ini kerana kebanyakan isi rumah terikat dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan dikehendaki berada di kediaman masing-masing sepanjang tempoh PKP. Walau bagaimanapun, perbelanjaan isi rumah berkaitan penggunaan petrol, perjalanan, rekreasi dan makan di luar rumah adalah sangat rendah (Azid et al., 2022).

Hal ini bukan sahaja terkesan kepada penduduk di kawasan bandar, bahkan turut memberikan implikasi yang sama kepada penduduk di kawasan desa. Dalam menghadapi ketidakstabilan ekonomi di samping desakan perbelanjaan isi rumah yang meningkat, golongan Muslimah desa juga turut terlibat membantu suami dalam menjana ekonomi keluarga.

Justeru, kajian ini ingin membincangkan strategi Muslimah desa dalam memperkasakan ekonomi keluarga semasa musim COVID-19 melalui aktiviti perniagaan. Ini kerana aktiviti perniagaan merupakan antara bidang yang mempunyai peluang dan penyertaan golongan wanita yang paling ramai, lebih-lebih lagi di Negeri Kelantan. Penglibatan mereka dalam bidang perniagaan telah bermula sejak abad ke-19 lagi. Faktor persekitaran dan budaya di Kelantan menjadikan bidang perniagaan sebagai warisan turun temurun, lebih-lebih lagi mereka telah mempunyai minat dan mendapat pendedahan mengenai ilmu berniaga sejak kecil lagi (Anis Solehin dan Sharifah Rohayah, 2020). Hal ini dapat diperhatikan secara langsung di kawasan-kawasan pasar dan tapak

perniagaan. Contohnya seperti lokasi yang terlibat dalam kajian ini iaitu Pasar Borong Pasir Puteh. Sebanyak 95 peratus iaitu seramai 80 orang daripada peniaga di pasar borong ini adalah terdiri daripada golongan muslimah desa.

### 3. Sorotan Kajian Literatur

Islam tidak menegah wanita untuk berkerjaya dan bergiat dalam aktiviti ekonomi serta bidang-bidang yang lain selagi ia selari dengan landasan syarak. Bahkan golongan wanita juga mendapat ganjaran pahala yang sama di atas pekerjaan mereka seperti yang diperolehi oleh golongan lelaki. Firman Allah SWT:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَتَبْنَا لَهُمْ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَتَبْنَا لَهُنَّ

Terjemahan: “Bagi orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan bagi wanita (pun) ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan.” (al-Nisa’, 4:32)

Antara strategi wanita dalam membangunkan ekonomi adalah melalui perniagaan. Hal ini telah direkodkan oleh sejarah. Umpamanya seperti isteri Rasulullah SAW *Umm al-Mukminin* Siti Khadijah RA. Beliau merupakan seorang pedagang import dan eksport yang berjaya (Nasir et al., 2019; Abd al-Rabb Nawwab al-Din, 1986). Selain itu, terdapat tokoh Muslimah pada zaman Rasulullah SAW yang menceburi bidang pertanian seperti Asma’ binti Abu Bakr serta bidang perniagaan tamar dan minyak wangi seperti Umm al-Munzir binti Qays dan Asma’ binti Makhzumah (Nasir et al., 2019; Faisal Othman, 1993).

Kajian yang menyentuh strategi Muslimah dalam memperkasakan ekonomi secara umumnya diperolehi secara tidak langsung daripada penulisan beberapa orang penyelidik berkaitan peranan wanita dalam membangunkan ekonomi. Namun kajian yang memberi fokus kepada kelompok Muslimah desa dalam memperkasakan ekonomi semasa musim pandemik masih belum diterokai secara meluas. Hal ini kerana isu pandemik merupakan antara isu mutakhir yang baru berlalu.

Antara kajian yang membincangkan peranan wanita dalam pemerksaan ekonomi adalah seperti penyelidikan yang dilakukan oleh Nor Hayati Fatmi Talib et. al (2020). Beliau mengetengahkan perbandingan peranan wanita dalam memperkasakan kelestarian ekonomi di antara Malaysia dengan Indonesia. Dapatan kajian ini mengutarakan keperluan wanita berkerjaya untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam mengurus tekanan, berucap di hadapan khalayak, menguasai teknologi dan menambahkan ilmu serta kemahiran.

Kajian Nur Hafizah Yusoff dan Rahimah Abdul Aziz (2012) pula memberi fokus secara khusus terhadap pemerksaan ekonomi wanita desa.

Kajian ini mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian yang dilakukan oleh penulis. Ia dilakukan ke atas Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW) di Kuala Teriang, Langkawi bertujuan untuk membincangkan peranan wanita seperti ibu dan isteri dalam bidang industri kecil dan sederhana (IKS). Kajian tersebut menggunakan metode servei dan temu bual mendalam. Hasil kajian mendapati aktiviti perniagaan yang dilakukan oleh KEW mampu membantu menjana ekonomi keluarga mereka sekali gus memberikan mereka peluang untuk memajukan diri melalui ilmu dan pengalaman. Penyelidikan ini sesuai dijadikan rujukan terhadap kajian penulis kerana mempunyai persamaan topik kajian iaitu mengenai wanita desa.

Secara umumnya kedua-dua kajian lepas di atas tidak mempunyai kaitan dengan situasi dan cabaran yang dihadapi oleh golongan wanita pada musim pandemik COVID-19. Oleh itu, penulis ingin melengkapkan kelompangan yang ada dengan membuat kajian yang bersifat realiti yang telah dialami berkaitan strategi Muslimah desa untuk memperkasakan ekonomi keluarga semasa menghadapi kelembapan ekonomi akibat pandemik ini.

#### **4. Lokasi dan Metodologi Kajian**

Lokasi yang dipilih untuk kajian ini adalah Pasar Borong Pasir Puteh. Pemilihan lokasi ini dibuat kerana kedudukannya yang dianggap sangat strategik. Ia terletak di sebelah jalan utama yang menghubungkan Pasir Puteh-Tok Bali serta berada di tengah-tengah laluan perhubungan utama antara kampung dan bandar, mempunyai akses jalan raya yang baik di samping kurang menimbulkan kesesakan lalu lintas (Muhammad Arifulrahman Arifin, 2021).

Ramai penduduk kampung sama ada jauh atau dekat lebih selesa menjadikan pasar borong ini sebagai tempat untuk mereka mendapatkan bekalan makanan dan bahan mentah. Ini kerana tapak lokasi pasar borong ini sangat luas, bersih, mempunyai parkir yang mencukupi serta mampu menempatkan tambahan jumlah bilangan peniaga yang lebih ramai. Hal ini bersesuaian dengan konteks kajian penulis yang menumpukan kepada kegiatan ekonomi Muslimah desa.

Kajian ini dilakukan menggunakan metode analisis dokumentasi dan temu bual secara bersemuka. Temu bual dilakukan terhadap 10 orang informan peniaga Muslimah dan seorang pegawai Majlis Daerah Pasir Puteh yang dipilih secara rawak untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan tajuk kajian. Kebanyakan daripada informan peniaga Muslimah ketika ditemu bual hanya ingin membahaskan diri mereka dengan nama samaran sahaja. Ini kerana mereka tidak mahu butiran nama sebenar mereka paparkan dalam kajian.

Persoalan kajian yang diajukan dalam proses temu bual tersebut adalah apakah strategi yang diambil oleh Muslimah desa bagi memperkasakan

ekonomi keluarga semasa COVID-19. Perbincangan bersama dengan peserta kajian turut merangkumi kepentingan pasar borong kepada Muslimah desa, penghasilan dan perolehan bekalan barang jualan dan permasalahan serta cadangan penyelesaian yang berkait dengan aktiviti perniagaan mereka.

## 5. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Perbincangan pada bahagian ini dipecahkan kepada beberapa topik berdasarkan pemerhatian dan temu bual dengan informan yang terlibat. Ia dijelaskan sebagaimana berikut:

### 5.1 Maklumat Sosio-demografi Peniaga Muslimah.

Terdapat 82 tapak jualan di pasar borong ini. Hampir 90 peratus daripada penjual terdiri daripada pasangan suami isteri (Siti, 2021). Ini bermakna terdapat hampir 74 pasangan keluarga yang menjalankan aktiviti perniagaan di sini. Pemerhatian penyelidik mendapati sejumlah besar peniaga Muslimah atau isteri bertindak sebagai jurujual. Ini bermakna mereka lebih mendominasi perniagaan dari sudut interaksi dengan pelanggan dan pembayaran, manakala pihak suami pula bertindak sebagai pembantu untuk mengangkat dan menurunkan barangan.

Umur peniaga Muslimah di pasar ini berada dalam lingkungan 30 hingga 55 tahun. Dari sudut pecahan, hampir 60 peratus di kalangan mereka berumur antara 30 hingga 40 tahun. 30 peratus pula berumur antara 41 hingga 50 tahun dan 10 peratus lagi berumur antara 51 hingga 55 tahun. Butiran ini diringkaskan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 2: Umur Peniaga Wanita di Pasar Borong Pasir Puteh

Umur (Tahun)	30 hingga 40	41 hingga 50	51 hingga 55
Peratus (%)	60%	30%	10%
Bilangan	49 orang	25 orang	8 orang

(Sumber: Data Penyelidikan, 2021)

Kebanyakan daripada peniaga Muslimah tinggal di kampung-kampung sekitar daerah Pasir Puteh seperti Kampung Alor Pasir, Gaal, Jelor, Kulim, Mer kang, Padang Pak Amat, Wakaf Bunut dan banyak lagi. Peniaga Muslimah yang tinggal paling dekat dengan lokasi kajian ialah sejauh 1km, manakala yang paling jauh adalah sejauh 13.5km. Kebanyakan daripada mereka juga tidak mempunyai kelulusan akademik yang tinggi. Begitu juga, ramai di kalangan mereka mempunyai latar belakang keluarga yang berniaga, sekali gus menjadikan bidang ini sebagai aktiviti warisan. Menurut Linda (2021), dia telah mengambil alih perniagaan daripada ibu bapanya dan telah berniaga lebih dari 10 tahun.

Antara barangan yang dijual di sini adalah seperti sayur dan buah-buahan, daging (seperti ayam dan lembu) dan ikan, makanan mentah basah dan kering, nasi dan kuih-muih serta barangan plastik. Dari sudut pengambilan pekerja sambilan, terdapat hanya segelintir peniaga sahaja yang mengambil pekerja sambilan sebagai pembantu mereka. Ini kerana mereka mengambil kira faktor keupayaan untuk menggaji pekerja sambilan pada satu-satu masa. Ia bergantung kepada pembelian barangan dan permintaan oleh pelanggan pada musim-musim tertentu seperti pada hujung dan awal bulan, musim perayaan dan waktu cuti sekolah. Manakala dari sudut modal untuk memulakan perniagaan, kebanyakan daripada mereka menggunakan wang simpanan sendiri dan hanya sebilangan kecil sahaja yang membuat pinjaman.

Ditinjau dari sudut perbandingan hasil jualan mereka semasa dan sebelum pandemik COVID-19, rata-rata peniaga Muslimah menyatakan hasil jualan mereka merosot berbanding sebelum pandemik menular. Anggaran kemerosotan hasil jualan adalah sekitar RM200 hingga ke RM400 seminggu (Latifah, 2021). Namun ketika permulaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana sebarang aktiviti perniagaan tidak dibenarkan, ramai peniaga di sini tidak mempunyai pendapatan tambahan (Hazwani, 2021). Terdapat di kalangan mereka yang terpaksa melelong barangan jualan pada harga yang lebih murah daripada harga pasaran. Mereka juga berusaha menambah pendapatan dengan mempromosikan barangan jualan secara dalam talian.

## ***5.2 Strategi Muslimah Desa Dalam Memperkasakan Ekonomi Keluarga Semasa COVID-19***

Penglibatan golongan wanita di Kelantan dalam kegiatan ekonomi telah bermula sejak abad ke-19 lagi. Inilah antara keunikan usahawan di Kelantan kerana majoritinya terdiri daripada golongan wanita (Anis Solehin dan Sharifah Rohayah, 2020). Maka tidak pelik apabila Muslimah desa di Kelantan juga turut berperanan dalam memperkasakan ekonomi keluarga melalui perniagaan. Lebih-lebih lagi pada musim pandemik COVID-19 (Azid et al., 2022). Justeru, perbincangan tajuk kajian akan dihuraikan menurut topik-topik berikut:

### **i) Kepentingan Pasar Borong Kepada Peniaga Muslimah Desa.**

Antara tempat yang menjadi tumpuan aktiviti ekonomi bagi golongan Muslimah adalah pasar borong. Bagi Muslimah desa, pasar borong merupakan antara tempat yang memberi peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, semua mereka bersetuju bahawa hasil keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan adalah sangat membantu dalam memperkasakan ekonomi keluarga khususnya ketika musim pandemik.



Di samping itu, sebahagian daripada mereka juga berpendapat bahawa berniaga memberikan mereka sifat berdikari dan mempunyai pendapatan sendiri. Perbelanjaan mereka tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada suami. Mereka juga dapat meringankan beban kewangan suami dan saling membantu untuk membiayai yuran pengajian anak di sekolah.

Berniaga juga memberikan manfaat kepada mereka dari sudut ilmu pengetahuan dan pengamalan. Sebahagian daripada mereka telah mewarisi aktiviti perniagaan ini daripada ibu bapa. Justeru, mereka telah mempelbagaikan barang jualan dan mempunyai beberapa tempat perniagaan seperti di pasar malam dan pasar borong.

## ii) Penghasilan Dan Perolehan Bekalan Barang Jualan.

Para peniaga Muslimah perlu memastikan bekalan barangan mereka mencukupi untuk dijual dari sehari ke sehari. Penghasilan dan perolehan bekalan barang jualan adalah bergantung kepada jenis perniagaan. Ia boleh diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu: (a) Makanan segera; (b) Sayuran dan buah-buahan; (c) Barangan plastik dan; (d) Barang basah dan kering. Perbincangan ini diringkaskan seperti dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Penghasilan dan Perolehan Bekalan Barang Jualan.

Jenis Perniagaan	Makanan segera	Sayuran dan buah-buahan	Barangan plastik	Barang basah dan kering
Penghasilan dan perolehan	Hasilan sendiri	RTC Tunjung, Kota Bharu	Kota Bharu dan Thailand	Tok Bali, Pasir Puteh, Geting, Tumpat dan penduduk tempatan
Jumlah tapak jualan dan peratus (%)	15 tapak (18%)	40 tapak (49%)	8 tapak (10%)	19 tapak (23%)

(Sumber: Data Penyelidikan, 2021)

Merujuk kepada jadual 3 di atas, jika jenis perniagaan mereka berbentuk makanan segera seperti nasi dan kuih-muih, maka peniaga Muslimah berusaha untuk menghasilkannya sendiri. Namun jika barang jualan mereka berbentuk sayuran, buah-buahan dan ayam, maka sumber bekalannya diperolehi dari RTC Tunjung, Kota Bharu (Zalina, 2021). Manakala barang jualan yang berbentuk plastik diperolehi daripada pembekal di Kota Bharu dan Thailand (Linda 2021). Bagi barangan basah dan kering seperti ikan pula, sumber bekalannya di peroleh dari Tok Bali, Pasir Puteh dan Geting, Tumpat. Sementara bekalan daging lembu segar diperolehi dengan membeli lembu daripada penduduk kampung, kemudian disembelih dan dijual di pasar.

Hasil jualan yang mereka perolehi dalam seminggu ketika musim pandemik adalah tidak menentu. Namun anggaran untung bersih pendapatan

mereka adalah sekitar RM400 hingga ke RM600 seminggu. Ini bermakna anggaran jumlah pendapatan mereka dalam sebulan adalah sekitar RM1600 hingga ke RM2400, dua kali ganda lebih rendah berbanding ketika sebelum pandemik iaitu sebanyak RM3200 hingga ke RM4800 sebulan. Kekangan berniaga ketika PKP juga menyebabkan ada segelintir peniaga Muslimah mengambil inisiatif memasarkan barang jualan secara lebih meluas melalui atas talian seperti di *Facebook*, *WhatsApp* dan *Tik Tok* (Latifah, 2021).

### **iii) Strategi Dan Tindakan Bagi Memperkasakan Ekonomi Keluarga.**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, penulis terlebih dahulu mengenal pasti beberapa kelemahan yang wajar diperbaiki berkaitan peniaga Muslimah desa. Ini bertujuan untuk merangka strategi dan tindakan yang sesuai dilaksanakan bagi memperkasakan lagi ekonomi keluarga.

Tumpuan wajar diberikan kepada peniaga Muslimah desa yang baru dan mereka yang sangat berminat untuk menceburkan diri dengan dunia perniagaan. Antara strategi dan tindakan yang boleh dilakukan bagi memperkasakan lagi ekonomi keluarga adalah seperti:

#### **a) Menghadiri Kursus Untuk Meningkatkan Kefahaman Dan Kepakaran Perniagaan.**

Kursus yang dihadiri adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi keupayaan peniaga Muslimah desa dalam menguruskan perniagaan mereka secara bijak dan mandiri. Ia boleh memberi pengetahuan dan pemahaman kepada mereka tentang cara mengurus dan mentadbir aktiviti ekonomi. Kursus yang dihadiri adalah pelbagai, seperti melibatkan penghasilan produk jualan dan strategi pemasaran. Mereka juga boleh mempelajari kaedah pemprosesan bahan mentah supaya boleh menghasilkan produk sendiri untuk dijual dalam bentuk dan bungkusan yang pelbagai. Contohnya seperti kursus pemprosesan ubi atau ikan kering untuk dijadikan produk makanan segera. Di samping itu, mereka juga wajar mengikuti kursus dan bimbingan perniagaan melalui platform e-dagang atau atas talian. Ini kerana, produk yang mereka dikeluarkan mempunyai potensi keuntungan yang lebih besar apabila mempunyai pasaran yang lebih luas.

#### **b) Mendapatkan Bantuan Modal Yang Disediakan Oleh Kerajaan Dan Pihak Swasta.**

Pada 8 Mac 2021 yang lalu sempena sambutan Hari Wanita, Perdana Menteri Malaysia ketika itu iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan suatu inisiatif tambahan yang memberi fokus secara langsung kepada para wanita iaitu MyKasih Kapital. Ia merupakan bantuan perniagaan khas untuk wanita

berupa suntikan modal bagi menggalakkan mereka terlibat dalam bidang e-dagang atau *dropship* (MyKasih Kapital, 2021). Oleh itu, mereka boleh membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan asas modal perniagaan sebanyak RM1000.

Majlis Amanah Rakyat (MARA) juga menyediakan bantuan pembiayaan perniagaan kepada para wanita. Ia dikenali sebagai Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA). Skim ini diwujudkan bertujuan untuk memperhebatkan lagi penyertaan wanita dalam aktiviti keusahawanan dan meningkatkan pendapatan isi rumah. Ia menyediakan pembiayaan khusus kepada usahawan wanita bumiputera untuk mengembangkan perniagaan mereka (Majlis Amanah Rakyat, 2021).

Maklumat-maklumat di atas merupakan antara sebahagian bantuan modal yang disediakan oleh pihak kerajaan dengan mudah melalui permohonan secara atas talian bagi membantu para peniaga wanita. Maklumat-maklumat bantuan kerajaan seperti ini kadang-kadang tidak diketahui dan tidak diambil peduli oleh para peniaga Muslimah desa. Oleh itu, mereka wajar diberikan pendedahan dengan maklumat seperti ini serta diberikan bimbingan pengurusan kewangan sebelum memulakan perniagaan.

### ***5.3 Masalah Peniaga Muslimah Desa Dan Cadangan Penyelesaian.***

Sudah menjadi adat dalam bekerja sendiri seperti Muslimah desa yang berniaga, mereka juga menghadapi beberapa masalah dan cabaran. Antara masalah yang dikenal pasti berlaku dalam aktiviti perniagaan mereka ialah lambakan barang yang tidak terjual. Bahan-bahan mentah dan basah seperti sayur dan buah-buahan umpamanya tidak boleh disimpan lama kerana cepat rosak. Jadi ia harus dibuang. Berbeza dengan barangan plastik, ia kurang mengalami risiko kerugian kerana tahan lama dan tidak cepat rosak. Hal ini diakui sendiri oleh peniaga Muslimah ekoran kekurangan pelanggan akibat PKP.

Selain daripada masalah lambakan barang yang tidak terjual, mereka juga menghadapi masalah dari sudut memasarkan barangan secara lebih meluas. Ramai peniaga Muslimah di pasar borong ini tidak mempunyai kebolehan untuk memasarkan barangan mereka secara atas talian. Pasaran mereka hanya untuk pelanggan yang datang membeli secara langsung di pasar borong. Selain itu, masalah-masalah lain yang jarang berlaku ialah berkaitan aspek keselamatan barangan kerana pernah terjadi kehilangan barang akibat kecurian.

Berdasarkan isu-isu yang dibincangkan di atas, maka pengkaji mencadangkan jalan penyelesaian kepada permasalahan tersebut sebagaimana dipaparkan dalam jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Masalah dan Cadangan Penyelesaian yang Dihadapi oleh Peniaga Wanita di Pasar Borong Pasir Puteh

Permasalahan	Cadangan Penyelesaian
Lambakan barang tidak terjual	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bahan mentah berupa makanan yang cepat rosak dicadangkan untuk dilakukan pemprosesan bagi menghasilkan produk makanan baru. Contohnya seperti memproses ikan menjadi makanan ringan, sayuran menjadi makanan haiwan.</li> <li>2. Dilelong dengan harga yang lebih murah.</li> </ol>
Memasarkan barangan secara atas talian	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengikuti kursus dan bimbingan perniagaan melalui platform e-dagang.</li> </ol>
Aspek keselamatan barangan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyimpan barangan dalam bekas berkunci.</li> <li>2. Menempatkan petugas yang mengawal keselamatan barangan peniaga.</li> </ol>

(Sumber: Analisis Pengkaji)

## 6. Kesimpulan

Pasar Borong Pasir Puteh merupakan antara pusat kegiatan ekonomi penduduk setempat khususnya kepada golongan Muslimah desa. Ia telah memberi peluang pekerjaan kepada Muslimah desa di sekitar Pasir Puteh serta menggerakkan peranan mereka untuk menjana pertumbuhan ekonomi keluarga. Waktu berniaga di pasar borong yang singkat tidak menyekat fungsi peniaga Muslimah untuk menjalankan tanggungjawab mereka kepada keluarga serta mendidik anak-anak. Di samping mempunyai pendapatan sendiri, mereka juga dapat menimba ilmu dan pengalaman melalui perniagaan. Dalam masa yang sama, aktiviti perniagaan ini juga turut menyumbang kepada kemajuan ekonomi luar bandar di negeri Kelantan secara umumnya. Pun begitu, kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti dalam perbincangan ini boleh diperbaiki dengan strategi dan tindakan yang telah dibahaskan dalam perbincangan.

## Rujukan

- ‘Abd al-Rabb Nawwab al-Din. 1986. *‘Amal al-Mar’ah wa Mauqif al-Islam Minh*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa’.
- Azid, M. A. A., Nasir, K., Zaman, R. K., & Hussain, A. A. (2022). Analisis Laporan Akhbar Terhadap Isu-Isu Wanita di Malaysia Pasca Pandemik COVID-19. *RABBANICA- Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 141-160.
- Banci Ekonomi. 2016. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=113&bul\\_id=TGNGZXI4cGMwS3NmM05sUHliTnlIQT09&menu\\_id=b0pIV1E3RW40VWRTUkZocEhyZ1pLUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=113&bul_id=TGNGZXI4cGMwS3NmM05sUHliTnlIQT09&menu_id=b0pIV1E3RW40VWRTUkZocEhyZ1pLUT09), diakses 15 Mac, 2021.

- Hazwani. 20 Mac 2021. Temu bual dengan informan di tapak Pasar Borong Pasir Puteh, Kelantan [Transkrip temu bual].
- Hussain @ Othman, Anis Solehin dan Sheikh Dawood, Sharifah Rohayah. 2020. "Keusahawanan Wanita di Kelantan Berteraskan Model Ekonomi Baru: Hala Tuju dan Cabaran." *Journal of Social Sciences and Humanities, Vol. 17. No. 4 (2020)*. Fakulti of Social Sciences and Humanities. UKM.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=155&bul\\_id=dTZXanV6UUdyUEQ0SHNW0VhpSXNMUT09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=155&bul_id=dTZXanV6UUdyUEQ0SHNW0VhpSXNMUT09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09), diakses 7 Ogos, 2022.
- Latifah. 20 Mac 2021. Temu bual dengan informan di tapak Pasar Borong Pasir Puteh, Kelantan [Transkrip temu bual].
- Linda. 20 Mac 2021. Temu bual dengan informan di tapak Pasar Borong Pasir Puteh, Kelantan [Transkrip temu bual].
- Majlis Amanah Rakyat. 2021. [https://www.mara.gov.my/bm/menu\\_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/dananita/](https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/kemudahan-sokongan/pembiayaan-perniagaan/dananita/), diakses 15 Mac, 2021.
- Muhammad Arifulrahman Arifin. 13 April 2021. Temu bual dengan informan melalui telefon [Transkrip temu bual].
- MyKasih Kapital. 2021. <https://semakanstatus.com/permohonan-mykasih-kapital/>, diakses 15 April, 2021.
- Nasir, K., Zaman, R. K. & Mamat, S. (2019). "Ikon Wanita Berkerjaya Pada Zaman Nubuawah: Analisis Hadith Dalam al-Kutub al-Sittah" dalam *Inspirasi Muslimah Ke Arah Matlamat Pembangunan Mapan*, Jilid 1, h. 47. Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia. ISBN 978-983-2306-32-0
- Nor Hayati Fatmi Talib *et. al.* 2020. "Peranan Wanita dalam Memperkasa Kelestarian Ekonomi, Kajian Perbandingan Malaysia-Indonesia." *Tinta Artikulasi Membina Ummah 6(1)*, 2020 47-60.
- Nur Hafizah Yusoff dan Rahimah Abdul Aziz. 2012. "Pemeriksaan Wanita Desa: Kajian ke atas Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW), Kuala Teriang, Langkawi, Kedah." *GEOGRAFIA Online, Malaysia Journal of Society and Space 8 Issue 6 (15 – 23)*.
- Othman, Faisal. 1993. *Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributers Sdn. Bhd.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. 2021. <https://www.pmo.gov.my/ms/2021/03/teks-ucapan-program-strategik-memperkasa-rakyat-dan-ekonomi-pemeraksa-2/>, diakses 15 Mac, 2021.
- Prestasi Ekonomi Malaysia Suku Tahun Pertama. 2020. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=100&bul\\_id=R09wdGZSektvNmw5T1VCeVphNXRqdz09&menu\\_id=TE5CRUZCbh4ZTZM ODZlbnk2aWRRQT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=100&bul_id=R09wdGZSektvNmw5T1VCeVphNXRqdz09&menu_id=TE5CRUZCbh4ZTZM ODZlbnk2aWRRQT09), diakses 15 Mac, 2021.
- Shamsiah Abd. Kadir. 2018. *Dasar Pemeriksaan Pembangunan Ekonomi Wanita*. Ekonomi dalam Negeri. [https://www.academia.edu/37090101/Dasar\\_Pemeriksaan\\_Pembangunan\\_Ekonomi\\_Wanita](https://www.academia.edu/37090101/Dasar_Pemeriksaan_Pembangunan_Ekonomi_Wanita), diakses 15 Mac, 2021.
- Siti. 20 Mac 2021. Temu bual dengan informan di tapak Pasar Borong Pasir Puteh, Kelantan [Transkrip temu bual].
- Statistik Pemeriksaan Wanita dalam Domain Terpilih, Malaysia. 2021. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul\\_id=eHMrcHQ4V1Irc0IRNOZwM09TWDJvQT09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWV SZklWdzQ4TlhUUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul_id=eHMrcHQ4V1Irc0IRNOZwM09TWDJvQT09&menu_id=L0pheU43NWJwRWV SZklWdzQ4TlhUUT09), diakses 7 Ogos, 2022.
- Statistik Pemeriksaan Wanita dalam Domain Terpilih. 2017. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul\\_id](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul_id)

Strategi Muslimah Desa dalam Memperkasakan Ekonomi Keluarga Semasa COVID-19:  
Kajian di Pasar Borong Pasir Puteh, Kelantan

- =dHNTVHV0My9QK1MxNHBtSnRucVJqZz09&menu\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09, diakses 7 Ogos, 2022.
- Statistik Perdagangan Borong dan Runcit. 2020. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=318&bul\\_id=QXhtM1VCUHJJVHRPN29yaGttb0dJdz09&menu\\_id=b0pIV1E3RW40VWRTUkZocEhyZ1pLUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=318&bul_id=QXhtM1VCUHJJVHRPN29yaGttb0dJdz09&menu_id=b0pIV1E3RW40VWRTUkZocEhyZ1pLUT09), diakses 7 Ogos, 2022.
- Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, Januari 2021. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul\\_id=QjdwRnB1SkxBcXczLzhzbHNKVTJRQT09&menu\\_id=Tm8zcnRjdVRNWWlpWjRlBmTlaDk1UT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul_id=QjdwRnB1SkxBcXczLzhzbHNKVTJRQT09&menu_id=Tm8zcnRjdVRNWWlpWjRlBmTlaDk1UT09), diakses 15 Mac, 2021.
- Zalina. 20 Mac 2021. Temu bual dengan informan di tapak Pasar Borong Pasir Puteh, Kelantan [Transkrip temu bual].
- Zaman, R. K., Nasir, K., Hussain, A. A., & Azid, M. A. A. (2021). Kelestarian Kesihatan Mental Keluarga: Analisis Hadith Khayr Nis?' Dalam Sunan Sittah. *Jurnal'Ulwan*, 6(2), 155-172.